

Ngayau Sebagai Sebuah Novel Berwarna Tempatan: Satu Kajian Sosiologi Sastera

ASMIATY AMAT

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

adajiwa@gmail.com

Abstrak Ismail Abbas atau Amil Jaya ialah penulis tempatan Sabah yang pertama menulis novel. Novel-novel beliau, iaitu *Cerah*, *Bagaton* dan *Ngayau* adalah novel-novel yang memaparkan kehidupan masyarakat Borneo yang sering kali mengalami konflik suku kaum. Novel *Ngayau* adalah novel kedua Amil Jaya yang memaparkan tentang tradisi penggal kepala yang pernah berlaku di Sarawak satu ketika dulu. Kajian ini bertujuan untuk meneliti novel tersebut sama ada ia berjaya menggambarkan unsur warna tempatan dengan menggunakan teori sosiologi. Kajian ini mendapati bahawa pengarang berjaya menonjolkan tema tentang adat dan pantang larang masyarakat Dayak di Sarawak dan berjaya menonjolkan pemikiran beliau yang tersirat melalui karya. Di satu pihak, disebabkan halangan seperti kedudukan penulis sendiri yang bukan anak jati Sarawak atau berbangsa Dayak, terdapat peralatan-peralatan sastera yang disebutkan dalam teori sosiologi sastera tidak dapat diaplikasikan dalam novel tersebut.

Kata kunci: Ismail Abbas, Ngayau, Sosiologi Sastera, budaya, Dayak, Sarawak, Sabah

Abstract *Ismail Abbas or Amil Jaya, is the first Sabahan novelist. His novels, namely, Cerah, Bagaton and Ngayau explore the culture of the Borneo people and their ethnic conflicts. Ngayau, Amil Jaya's second novel, describes the lives of head hunters in Sarawak in the early days. This paper aims to determine whether the novel succeeded in exploring local colours using sociological theory, and concludes that the author was successful in his attempt to portray the culture of the Dayak people in Sarawak. The author also succeeded in expressing his sincere opinions in his novels. However, as the author is not a Sarawakian or an indigenous Dayak, his novels cannot be used as a tool for sociological study.*

Keywords: *Ismail Abbas, Ngayau, Sociology of Literature, culture, Dayaks, Sarawak, Sabah*

PENGENALAN

Ismail Abbas yang lebih dikenali sebagai Amil Jaya ialah sasterawan dan budayawan tempatan Sabah yang terkenal dengan novel-novel budaya. Novel *Ngayau* merupakan novel yang telah memenangi hadiah pertama peraduan mengarang novel Sabah anjuran GAPURA (Gabungan Penulis Sedar), dengan kerjasama Biro Bahasa Sabah pada tahun 1977. Novel *Ngayau* adalah percubaan kedua Ismail Abbas selepas beliau menang tempat kedua dalam peraduan menulis novel anjuran BAHASA (Badan Bahasa Sabah) pada tahun 1973 menerusi novel *Cerah*. Berdasarkan dua kejayaan berturut-turut, Amil Jaya bukan sahaja telah menempatkan dirinya pada satu kedudukan yang kukuh ketika itu, tetapi beliau sekali gus telah dinobatkan sebagai penerima anugerah *S.E.A. Write Awards* di Thailand pada tahun 1992.

Kertas kerja ini terbahagi kepada tiga perkara penting. Bahagian pertama akan menerangkan tentang latar belakang novel *Ngayau*, latar belakang masyarakat dan sosiologi sastera. Bahagian kedua akan menerangkan bagaimana elemen-elemen warna tempatan diterapkan dalam novel dan kesannya terhadap novel tersebut. Bahagian ketiga dan terakhir akan membuat rumusan tentang keberkesanan penerapan warna tempatan dalam novel tersebut mengikut sosiologi sastera.

NARATIF NGAYAU

Ngayau dihasilkan oleh Amil Jaya dengan membuat penyelidikan selama beberapa bulan berkenaan kebudayaan dan kehidupan masyarakat Dayak di Sarawak. Menurut pengarang, beliau telah tinggal selama dua minggu di Sarawak dan hidup bersama-sama dengan masyarakat Kayan di rumah panjang. Amil Jaya juga dikatakan banyak memperoleh maklumat dan bahan daripada buku *The Natives Of Sarawak & British Borneo* karya Henry Ling Roth yang diterbitkan dalam tahun 1968 (Temu bual bersama penulis pada 14 Julai 2005 di Kg. Ketiau, Putatan).

Ngayau merupakan sebuah novel yang diilhamkan daripada peristiwa silam yang menggunakan hutan tebal negeri Sarawak sebagai latar tempat dan memaparkan kehidupan sekumpulan masyarakat yang memiliki adat dan norma kehidupan yang mengerikan. Perkataan *ngayau* dalam bahasa Iban di Sarawak bermaksud menyerang untuk mendapatkan kepala manusia.

Berdasarkan maksud tersebut, dapat dijelaskan bahawa amalan *ngayau* lebih tepat diertikan sebagai suatu strategi atau taktik peperangan. Lumrahnya, perbuatan menyerang berlaku apabila timbul situasi permusuhan antara dua atau lebih individu dan kumpulan manusia (Bilcher Bala & Baszlee Bee, 2002:5).

Demikian juga *ngayau* sebagaimana pengertian dalam novel ini diertikan sebagai menyerbu ke dalam kawasan tanah musuh untuk membunuh dan merampas kepala mereka. Kisah ini dimulakan dengan paparan kisah Suku Kayan Hulu yang ingin membina rumah panjang baharu. Bagi memastikan rumah yang bakal dibina menjadi kukuh, masyarakat memerlukan jasad dan tengkorak kepala manusia untuk diletakkan di tiang seri rumah panjang yang akan dibina. Penghulu Kanyau selaku tuai rumah panjang telah melantik Lasa Kulan sebagai ketua untuk “mengayau” dan mencari kepala musuh mereka, terutama musuh ketat mereka, iaitu suku Kelabit. Dalam perjalanan *ngayau*, pahlawan-pahlawan Kayan seramai sembilan orang telah menyerbu beberapa orang pemuda dari suku Melanau yang sedang berehat. Suku Kayan sebenarnya tidak bermusuhan dengan orang Melanau. Namun mereka sudah tidak sanggup meneruskan perjalanan selama beberapa hari untuk mencari orang Kelabit.

Orang Melanau seramai tujuh orang yang diketuai oleh Boyong sedang dalam perjalanan pulang daripada merebut semula kepala datuk Boyong, Syariff Hamid yang telah dibunuh dan dilarikan oleh suku Dayak lain. Pertembungan antara orang Kayan dan Melanau ini menimbulkan konflik dalam cerita tersebut. Kumpulan Lasa Kulan berjaya menangkap Boyong dan rakan-rakannya dan mengarak mereka ke kampung untuk upacara menanam tiang seri dengan tengkorak kepala dan juga orang yang masih hidup. Pada malam meraikan kejayaan pahlawan mereka, suku Kayan gempar kerana Boyong dan empat rakannya telah dilepaskan oleh Kunang, anak gadis Penghulu Kayan. Sumah dan Sugi berjaya ditangkap semula, sementara Boyong telah diselamatkan oleh suku Kayan Hilir yang diketuai oleh Kasung. Masyarakat Kayan Hilir sememangnya ingin membalas dendam terhadap perlakuan kejam suku Kayan Hulu terhadap suku mereka. Oleh itu, Boyong dan Kasung bekerjasama menentang orang Kayan Hulu dan merampas semula kepala datuk Boyong. Pertempuran tersebut menyebabkan ramai nyawa melayang. Akhirnya, Kasung dan Lolong telah berdamai sementara Boyong dan Kunang berkahwin.

Berdasarkan naratif *Ngayau* yang unik pada zamannya dan menggambarkan tradisi penggal kepala yang jarang-jarang dilakukan oleh penulis, novel ini istimewa untuk dikaji. Sebelum ini kajian terhadap novel *Ngayau* pernah dilakukan oleh Che Abdullah Che Lah menggunakan Teori Antara Disiplin dalam tulisan berjudul “Novel-novel Amil Jaya: Satu Kajian Antara Disiplin” pada tahun 1994. Kajian Che Abdullah merangkumi ketiga-tiga novel Amil Jaya, termasuklah *Cerah* dan *Bagaton*. Kajian yang bakal dilakukan ini hanya menjurus kepada novel *Ngayau* dan tumpuan khusus menggunakan sosiologi sastera dan bukan Teori Antara Disiplin.

Herman Noor Ayub (1981) dalam satu tulisan beliau berkenaan novel *Ngayau* turut mengatakan bahawa, “Novel *Ngayau* dapat digolongkan sebagai novel sejarah atau roman sejarah walaupun ia merupakan rekaan kerana inti cerita novel pernah berlaku dalam sejarah Sarawak kira-kira dalam tahun 1890-an di mana seorang pemuka Islam telah dipenggal kepalanya oleh orang-orang Iban di Sebuyou bahagian kedua Sarawak” (*Berita Harian*, 19 Mei 1981). Kajian Herman ini walaupun sifatnya tidak menyeluruh namun ia dapat dianggap sebagai satu landasan kepada kebenaran sejarah yang pernah berlaku di Borneo satu ketika dulu.

SOSIOLOGI SASTERA

Sosiologi merupakan satu disiplin ilmu yang mengkaji manusia dalam masyarakat, proses sosial, lembaga sosial dan persekitarannya. Sosiologi cuba menyelongkar tentang bagaimana masyarakat wujud, bagaimana ia berlangsung dan tetap wujud. Kajian terhadap masyarakat dan segala masalah yang ada dalam institusi sosial, ekonomi, politik, agama dan lain-lain yang terangkum sebagai struktur sosial, dapat memberi gambaran tentang cara manusia menyesuaikan diri dalam lingkungannya, tentang mekanisme sosialisasi dan proses pembudayaan yang menempatkan masyarakat di tempatnya (Wong Seng Tong, 1989; A. Teeuw, 1984).

Perbezaan ketara antara sosiologi dan sastera ialah sosiologi merupakan satu ilmu yang memerlukan analisis ilmiah yang objektif sementara sastera cuba untuk memahami setiap kehidupan sosial dari dalam perasaan seseorang. Sosiologi sastera juga ada yang berpihak kepada kenyataan bahawa sastera adalah cerminan masyarakat berdasarkan kepada pandangan Plato sehinggalah kepada pandangan Madame de Stael dan Milne

tentang pengaruh iklim dan geografi. Pandangan lain pula menganggap bahawa sastera bukan sekadar pencerminan masyarakat penghasilnya. Jauh daripada itu, sastera merupakan satu usaha untuk menemukan makna dan penelahan nilai yang harus dihayati masyarakat. Melalui konsep “ras, masa dan lingkungan,” yang dikemukakan oleh Hippolyte Taine, sastera dianggap bukan sekadar permainan imaginasi yang bersifat peribadi tetapi merupakan rakaman cara zaman dan pengwujudan fikiran tertentu. Sebagai cermin masyarakat, novel boleh dibawa ke mana sahaja dan ia juga sesuai untuk memantulkan segala kehidupan dan alam. Hasil sastera bukan pula hanya dianggap sebagai cermin tetapi sebagai dokumen yang memperlihatkan segala yang baik atau buruk dalam masyarakat (Sapardi Djoko Damono, 1979:21).

Sebagai sebuah dunia kecil, karya sastera berfungsi untuk menginventarisasikan sejumlah kejadian besar dalam masyarakat yang telah dikerangkakan dalam pola kreativiti dan imaginasi. Pada dasarnya, seluruh kejadian dalam karya dianggap sebagai prototaip kejadian yang pernah dan mungkin terjadi dalam kehidupan sehari-hari. Dengan ciri kreativiti dan imaginasi, sastera memiliki kemungkinan yang paling luas dalam mengalihkan keragaman kejadian alam semesta ke dalam naratif semantik, dari kualiti kehidupan sehari-hari ke dalam kualiti dunia fiksiyen.

Kualiti responsif dan representatif, entiti dan integriti karya sastera di tengah-tengah masyarakat mengandaikan bahawa karya sastera secara keseluruhan mengambil bahan di dalam dan melalui kehidupan masyarakat. Dengan demikian, karya sastera seperti juga karya-karya dalam ilmu kemanusiaan yang lain mengesahkan dan mengevaluasikan bahan-bahan yang sama, tetapi dengan cara pandang dan pemahaman yang berbeza. Melalui medium bahasa yang dimanfaatkan, karya sastera mampu menunjukkan maksud yang sama dengan cara yang berbeza. Walaupun demikian, karya sastera memiliki tujuan akhir yang sama, iaitu sebagai motivator ke arah aksi sosial yang lebih bermakna, sebagai pencari nilai kebenaran yang dapat mengangkat dan memperbaiki situasi dan kondisi alam semesta dan masyarakat (Nyoman Khuta Ratnah, 2003:35–36).

Swingewood (1972) pula mengetengahkan pandangan supaya erti “seni untuk masyarakat” harus dilihat dengan mengambil kira pandangan pengarang, kesedaran dan tujuannya berkarya. Bagi Swingewood, sastera

yang dicipta oleh pengarang menggunakan segugus peralatan tertentu dan seandainya sastera memang merupakan cermin kepada masyarakat, apakah pencerminan itu tidak dirosakkan atau disalahgunakan oleh penggunaan alatan sastera seperti bahasa.

Hasil karya sastera seorang pengarang melukiskan tentang kecemasan, harapan dan aspirasi manusia. Oleh hal yang demikian, kayu ukur sosiologis yang paling efektif ialah mengukur tanggapan manusia terhadap kekuatan-kekuatan sosial. Bagi memecahkan permasalahan tersebut, Swingewood beranggapan bahawa pendekatan sosiologi terhadap sastera dapat dilaksanakan dengan baik asalkan perkara atau alatan sastera yang digunakan pengarang untuk menampilkan masalah sosial itu murni sifatnya dan pengarang yakin dan sedar pada tujuan mereka berkarya.

Berdasarkan pandangan beberapa orang pengkaji sastera tersebut, kajian ini akan melihat bagaimana bentuk sosiologi sastera dapat mencungkil unsur budaya dan pemikiran pengarang dalam *Ngayau* dan adakah unsur budaya masyarakat yang dijelmakan dalam novel tersebut berjaya mengangkat *Ngayau* sebagai sebuah novel berwarna tempatan.

LATAR BELAKANG MASYARAKAT

Sebagai sebuah negeri paling besar di Malaysia, Sarawak yang dikenali sebagai “Bumi Kenyalang” memiliki topografi yang berhutan dan juga bergunung-ganang. Negeri yang berjiran dengan negara Brunei dan Indonesia di bahagian pedalaman bawah, dan negeri Sabah di bahagian utara memiliki pelbagai etnik yang dapat dirangkumkan sebanyak 40 kumpulan. Antara etnik yang terdapat di Sarawak dibahagikan kepada Dayak Iban, Dayak Kayan, Dayak Kelabit, Dayak Orang Ulu, Dayak Kenyah, Dayak Penan dan Dayak Bidayuh. Selain itu, Sarawak juga dihuni oleh orang Melayu Sarawak, Cina dan orang Melanau.

Menurut banci penduduk Sarawak tahun 2000, orang Kayan dianggarkan berjumlah 25,542 orang, sementara orang Melanau berjumlah 109,882 ribu orang daripada 2,009,893 juta penduduk Sarawak (Jabatan Perangkaan Sarawak, 2010).

Orang Kayan terkenal dengan pembinaan rumah panjang di utara pedalaman Sarawak seperti di kawasan pesisiran Sungai Baram, Sungai Rejang, dan Sungai Tubau. Pada suatu masa dahulu, mereka terkenal dengan aktiviti memburu kepala. Suku Kayan juga sangat terkenal dengan kemahiran membina bot dengan menggunakan sebatang pokok belian. Walaupun pada masa kini ramai suku kaum Kayan telah memeluk agama Kristian, terdapat dalam kalangan mereka yang masih mengamalkan kepercayaan pagan. Sementara suku kaum Melanau dianggap sebagai suku kaum asli Sarawak dan kebanyakannya berasal dari Mukah. Pada masa dahulu, suku kaum ini ramai menetap di pinggir pantai dan menjalankan aktiviti menangkap ikan. Pada masa kini, suku kaum Melanau kebanyakan telah hidup dan mengadaptasi budaya Melayu Sarawak. Walaupun suku kaum Melanau telah menganut agama Islam dan Kristian tetapi ramai dalam kalangan mereka yang masih kuat mengamalkan adat budaya lama seperti Pesta Kaul, iaitu pesta memuja semangat laut.

Sejak abad ke-14, eksplorasi awal masyarakat Barat ke benua Asia, Afrika dan Amerika Selatan dibayangi oleh catatan-catatan pengkaji Barat tentang perilaku dan amalan peribumi seperti memburu kepala, memakan daging dan meminum darah manusia. Pengkaji Barat juga memberi label kepada masyarakat peribumi Borneo seperti *wild peoples*, *headhunters* dan *pirates*. Pernyataan tersebut diakui oleh Pringle dengan menyebut bahawa selain daripada kaum Iban, “. . . *all other Borneo pagans were traditionally . . . headhunters*” (Robert P, 1970:21).

Berdasarkan bukti bukan abstrak dalam kalangan masyarakat peribumi Sabah dan Sarawak, tradisi pemburuan kepala atau *ngayau* diamalkan oleh kaum Murut, Iban, Bidayuh, Kayan dan Kenyah. Tradisi ini lebih terkenal dan dihubungkan dengan kaum Iban di Sarawak, Murut dan Kadazandusun di Sabah (Bilcher Bala & Baszlee Bee, 2002:4; dan Peter Kandu, 2001:40–41). Hakikatnya, tradisi ini bukan adegan memenggal kepala mangsa yang masih bernyawa sebagaimana dalam filem fantasi terbitan Hollywood seperti *Highlander* (Baszlee Bee Basrah Bee, 2002:22). Dari segi motifnya, tradisi ini mempunyai hubungan rapat dengan perasaan dendam, iaitu darah harus dibayar darah. Selain itu, ia juga dikatakan sebagai syarat penting dalam beberapa aspek utama kehidupan seperti peralihan kanak-kanak yang mula menjadi dewasa, perkahwinan, pembukaan penempatan baharu termasuk membina rumah baharu, persembahan

kepada dewa, penyembuhan wabak penyakit, penamat tempoh pantang larang keluarga si mati dan perlantikan ketua dan upacara menanam padi. Umumnya, ia adalah hasil dari kesinambungan didikan dan pengamalan dari generasi ke generasi yang menjadi kewajiban dalam adat amalan (William O. Krohn, 1991:272).

Adat *ngayau* telah wujud sebagai satu amalan untuk merangsang semangat mempertahankan hak keistimewaan daripada ancaman unsur-unsur persekitaran sama ada yang boleh atau tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Dalam situasi terancam ini, individu mula mencari jalan penyelesaian yang difikirkan mampu memberi dan menjamin keselamatan ke atas haknya. Hal ini membawa kepada pertentangan secara fizikal dan rohani dengan unsur-unsur persekitaran. Tradisi pemburuan kepala juga dikaitkan dengan kepercayaan bahawa malapetaka kebuluran dalam sesebuah kumpulan peribumi di Borneo akibat tanaman yang tidak menjadi disebabkan kemarahan kuasa ghaib yang dikenali sebagai semangat atau *petara antu* dalam sistem kepercayaan mereka. Oleh hal yang demikian, bomoh, dukun atau kemang memainkan peranan penting sebagai penghubung antara manusia dan semangat. Sehubungan itu, kepala harus diperolehi sebagai penawar bagi menyelesaikan atau menamatkan sesuatu malapetaka dalam kumpulan masyarakat peribumi berkenaan. Begitu juga halnya bagi mendapatkan kebebasan daripada ancaman musuh dan kecelakaan lain yang mensyaratkan persembahan kepala (Bilcher Bala & Baszlee Bee, 2002:6).

UNSUR BUDAYA SEBAGAI ALATAN SASTERA

Novel *Ngayau* dianggap sebagai sebuah karya yang memberi warna tempatan atau *local colour* kerana banyak memaparkan unsur budaya suku kaum Dayak (Hamidah Hassan, 1987). Karya sastera tidak dapat dimengerti sepenuhnya jika terpisah daripada lingkungan dan kebudayaan tempatnya dicipta. Elemen-elemen kebudayaan, kepercayaan dan keagamaan masyarakat Kayan yang sarat dengan mitos dan amalan pagan melatari novel *Ngayau* sesuai dengan keinginan pengarang untuk menjadikan ia sebagai satu alat bagi menyampaikan keunikan dan nilai masyarakat dalam karya. Paparan-paparan tersebut dianggap sebagai satu dokumen budaya kerana dikatakan pernah berlaku dalam masyarakat orang asli Sarawak dan wajar diketengahkan untuk pengetahuan umum.

Berdasarkan penjelasan terhadap latar belakang suku kaum yang wujud di Sarawak, pengarang yang berasal dari Sabah menggunakan segala pengetahuan beliau tentang budaya yang terdapat di negeri Sarawak dalam novel *Ngayau*. Unsur warna lokal yang berjaya ditunjukkan oleh pengarang adalah berdasarkan kebiasaan dan pegangan tradisi masyarakat Dayak zaman dahulu. Etnik Dayak khasnya Kayan terkenal dengan adat memburu dan memotong kepala musuh sebagai satu amalan kebiasaan mereka. Adat memotong kepala musuh dan mengeringkan tengkorak tersebut adalah lambang kemegahan bangsa Dayak Sarawak, atau juga Murut di Sabah pada satu ketika dahulu (suku kaum Murut di Sarawak juga adalah suku kaum yang dikategorikan dalam etnik Dayak). Musuh yang telah mati akan dipenggal kepalanya untuk dibawa balik sebagai bukti keperwiraan pahlawan dan dijadikan alat menghalau semangat jahat yang dikatakan mengganggu mereka. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, selain daripada membalas dendam, tujuan *ngayau* juga dikaitkan dengan pengangkatan martabat sosial masyarakat yang telah menjadi amalan turun-temurun pada satu ketika dahulu. Semasa pembukaan kawasan baharu, rumah panjang yang baharu dibina harus ditegakkan tiangnya dengan menggunakan simbahan darah musuh atau kepala musuh. Oleh hal yang demikian, memburu musuh dan membunuh mereka menjadi agenda utama suku kaum tersebut pada masa dahulu. Perkara ini turut dinyatakan oleh pengarang novel melalui dialog berikut:

“Rumah panjang ini harus disimbah dengan darah manusia, tiang seri harus tidak boleh didirikan tanpa korban,” kata Penghulu Kanyau.

(Ngayau, hlm. 5)

“Tiang seri memerlukan tubuh manusia. Dan semangatnya tentu dapat menahan gangguan semangat lain, apabila rumah panjang itu siap didirikan.”

(Ngayau, hlm. 44)

Seiring dengan budaya mengejar musuh dan pertempuran, plot novel dipenuhi dengan aksi cemas, iaitu kejar-mengejar, pergelutan, pertempuran atau lebih jelas lagi pembunuhan antara satu kaum dengan kaum yang lain. Semua ini bertujuan untuk mempertahankan maruah bangsa dan survival kehidupan mereka. Pahlawan-pahlawan tersebut bertindak membunuh sebelum dibunuh. Bagi mereka, harga diri lebih penting daripada nyawa.

Perkara ini diakui bahawa amalan memburu kepala bukanlah satu pekerjaan yang mampu dibuat oleh semua orang. Seseorang haruslah terlebih dahulu menunjukkan keberanian atau kegagahan serta ketahanan diri bagi membolehkan mereka membunuh musuh dan memenggal kepala mereka. Kejayaan meraih kepala musuh itu juga merupakan satu keberanian (Bilcher Bala & Baszlee Bee, 2002:6). Kematian lebih baik daripada gagal membawa balik kepala musuh atau tawanan perang untuk tujuan pembinaan rumah. Perkara ini dinyatakan dengan jelas oleh pengarang dalam dialog-dialog seperti yang berikut:

*“Pulang tanpa kepala musuh adalah pulang yang memalukan,”
Tingkah Kumang Raja dengan nada marah.*

(Ngayau, hlm. 7)

*“Kalian akan dibunuh. Dua dikubur hidup-hidup di lubang tiang seri dan dua lagi akan digantung, kemudian kepalanya dipenggal,”
Lolong berkata selamba.*

(Ngayau, hlm. 43)

“Hari ini,” Penghulu Kanyau mula berpidato, “kita akan mula mengorek lubang tiang seri untuk mendirikan sebuah rumah panjang yang baru. Dua orang tawanan akan kita masukkan ke dalam lubang tersebut untuk memastikan keteguhannya dan supaya kita tidak selalu diganggu oleh semangat dan hantu. Saya lihat dua orang tawanan yang muda itu amat sesuai untuk tiang seri, mereka kelihatan gagah dan berani. Semangat mereka masih kuat,” pidato Penghulu Kanyau terus berjalan.

(Ngayau, hlm. 45)

Sebagai sebuah karya yang diharap mampu menjelaskan tentang ritual masyarakat Dayak, proses-proses bagi tujuan memulakan upacara menanam tiang seri yang dianggap penting untuk dipaparkan, telah ditunjukkan oleh Amil Jaya. Persiapan tiang seri yang dibuat daripada kayu belian yang telah siap sedia digantung untuk dipasakkan ke dalam lubang yang mengandungi tubuh mangsa adalah satu proses rumit dan mengerikan. Pemerian secara terperinci itu memberikan satu kesan realistik terhadap teks Ngayau.

Ia memerhati keadaan tiang seri yang masih tergantung itu dan mengkhayalkan bahawa tiang itu betul-betul akan jatuh ke dada dan menghempap hati manusia yang dikorbankan nanti . . . Dari atas

tiang sampingan ini, Kumang Raha memerhati ke arah matahari, untuk menentukan letak tiang seri yang didirikan itu betul-betul seperti yang dikehendaki oleh Manang Labang.

(*Ngayau*, hlm. 62)

Selain daripada upacara tersebut, masyarakat Kayan juga dikatakan memiliki satu upacara yang dikenali sebagai “ritual saudara sedarah.” Upacara *berbiang* atau upacara perisytiharan “saudara sedarah” ditunjukkan melalui tindak-tanduk Manang Malau yang bertindak sebagai pawang. Manang Labang memuja “semangat” dengan mantera yang tidak diketahui buah butirnya. Kemudian, Manang menghiris lengan Boyong dan Kasung sehingga mengeluarkan darah. Darah mereka digaul dan dicampur bersama tembakau dan akhirnya dihirup seperti rokok. Kedua-dua pahlawan tersebut diisytiharkan sebagai saudara sedarah kerana telah bersama menghirup darah bersama rokok daun. Mereka harus bekerjasama ketika menentang musuh. Walau bagaimanapun, upacara *berbiang* yang ditunjukkan secara agak lengkap, tidak disertai dengan paparan mantera yang dibaca oleh pawang masyarakat tersebut.

Walaupun masyarakat Dayak Kayan mengamalkan paganisme, mereka tetap mempercayai kewujudan Tuhan selain semangat-semangat atau roh yang mempunyai kuasa ke atas makhluk yang masih hidup ataupun yang telah mati. Kepercayaan mereka terhadap Tuhan dan ketuhanan, alam roh dan ghaib merupakan satu mitos. Pengalaman dalam budaya Dayak merupakan pengalaman mistik dan logik mengikut nilai moral suku itu sendiri.

“Itu aku tahu, tetapi tidak ada pilihan lain, tiang seri memerlukan tubuh manusia. Dan semangatnya tentu dapat menahan gangguan semangat lain, apabila rumah panjang itu siap didirikan.”

(*Ngayau*, hlm. 44)

Mantera yang diungkapkan oleh pengamal ritual hanya ditampilkan pengarang melalui upacara perkahwinan tradisi Boyong dan Kunang. Mantera yang ditunjukkan dalam bahasa Melayu itu dianggap mengurangkan nilai keaslian mantera masyarakat asli Sarawak.

*“se, dua tiga empat
Lima enam tujuh
Wahai Tuhan sekalian alam
Tuhan nenek, Tuhan ayah dan Tuhan ibu di alam
Yang menjadikan manusia
Siang dan malam”*

*...
“Sebaik Penggayang itu menghabiskan manteranya, lalu ia mencabut
kampilan, kemudian memotong leher ayam hitam yang dipegangnya
tadi dan menjiruskan darah ayam itu ke atas kepala kedua-dua
mempelai sehingga kuyup, bagi memberkati mereka.”*

(Ngayau, hlm. 160)

Seiring dengan pelaksanaan upacara ritual, penerapan dan penonjolan persekitaran kehidupan masyarakat Kayan yang tinggal di rumah panjang dengan cara berpakaian menggunakan cawat, tatu, bulu kenyalang, kaum wanitanya yang memakai tenunan manik dan *lavong* ketika berkahwin dan tidak memakai pakaian lengkap di hari biasa, sejajar dengan zaman dan suasana persekitaran mereka. Suku Kayan juga diperlihatkan sering meraikan keramaian dengan acara minum tapai atau tuak sebagai lambang kegembiraan dan tarian ngajat sebagai lambang identiti suku kaum tersebut.

Sebagai satu amalan tradisi, setiap pelaksanaan adat memerlukan pengamalannya mematuhi pantang larang selaras dengan kesucian sistem kepercayaan animisme yang menjadi anutan masyarakat tersebut. Bagi tujuan *ngayau*, pantang larang yang biasanya perlu dilakukan oleh pengamal ialah tidak boleh membunuh orang yang sakit, wanita dan kanak-kanak. Golongan ini dianggap tidak memiliki semangat (roh) yang kuat bagi menyelesaikan tujuan-tujuan khusus dalam amalan tersebut (Bilcher Bala & Baszlee Bee, 2002:7).

Sehubungan dengan itu, bagi tujuan penonjolan tema persengketaan antara kaum, pengarang novel turut menurunkan beberapa panduan serta pantang larang masyarakat yang harus diikuti semasa operasi pertempuran di hutan. Walaupun orang Kayan dikatakan terkenal dengan kekejaman, mereka masih berpegang teguh kepada pantang larang yang telah ditetapkan. Hanya seseorang yang terlalu bercita-cita tinggi atau tamak sahaja yang sanggup melanggar tatacara perang sebagaimana yang digariskan oleh orang bijak pandai dalam masyarakat tersebut. Namun begitu, implikasi yang

mereka harus pikul akibat perbuatan mereka terhadap pelanggaran garis panduan atau pantang larang yang telah dinyatakan adalah kemungkinan berhadapan dengan nasib buruk di kemudian hari. Contohnya dalam novel tersebut, pantang larang yang dikemukakan oleh pengarang adalah berkenaan larangan membunuh atau memenggal kepala musuh sewaktu musuh sedang menjamu selera.

“Tapi membunuh musuh ketika makan suatu dosa, sialnya akan berpanjangan menimpa kita, apa kalian lupa pesan Manang Labang?” tanya Lolong. “Apa hal pun aku tidak bersetuju dengan serbuan sedemikian, tunggu mereka selesai makan,” sambungnya.

(*Ngayau*, hlm. 9)

Pada amnya, novel *Ngayau* adalah usaha penulis untuk memperlihatkan unsur warna tempatan. Tradisi *ngayau* dalam kalangan masyarakat peribumi di Sarawak ditonjolkan oleh pengarang dengan pemerian tindak-tanduk watak-watak yang ditampilkannya. Sungguhpun demikian, mengambil kira bahawa *Ngayau* merupakan novel baharu pada zamannya, tentu sahaja novel ini tidak menjanjikan kesempurnaan, baik dari segi bentuk penceritaan ataupun tema, walaupun ia telah memenangi hadiah pertama dalam peraduan mengarang novel. Masih tergambar plot yang tidak disusun kemas, bentuk penceritaan yang agak longgar dengan penggunaan bahasa yang masih dianggap berada pada tahap sederhana. Namun, keyakinan dan ketekunan pengarangnya yang cuba memanipulasi konteks bangsa di Sarawak dalam sebuah karya harus diiktiraf dan dibanggakan. Kedudukan pengarang sebagai pemerhati yang bukan berasal dari suku-suku yang disebutkan dalam karya tersebut, menyebabkan paparan atau penonjolan unsur warna tempatan dalam karya tersebut sedikit terbatas, walaupun kehadirannya tetap dirasakan.

Jika diteliti secara mendalam, unsur warna tempatan yang ditunjukkan dalam teks akan lebih bermakna jika pengarang mengeksplorasi lingkungan dan ras yang telah digunakan dalam teks tersebut. Mitos dan upacara ritual yang ditunjukkan oleh pengarang sejajar dengan masa novel dihasilkan mungkin tidak begitu mendalam dan mengesankan. Tidak ada percubaan mendalami atau masuk ke dalam roh adat istiadat tersebut. Upacara ritual yang menggunakan mantera yang sebenar-benarnya dalam konteks penulisan mitos dalam budaya masyarakat Dayak Sarawak lebih menarik

jika ditunjukkan dalam bahasa Dayak sebagaimana yang dilakukan Douglas Jaga dalam novel *Kelingkang*. Ismail Abbas yang merupakan pengarang asal Sabah, berketurunan Bajau sukar untuk mengangkat satu bentuk bahasa daerah yang jauh daripada kebiasaan dan pertuturannya sehari-hari jika dibandingkan dengan penulis yang berasal dari suku bangsa yang diciptakan dalam sesebuah teks sastera. Oleh hal yang demikian, ia tidak cukup untuk menggambarkan *worldview* atau *weltanschauung* suku bangsa tersebut. Berdasarkan keterbatasan ini, kedudukan *Ngayau* sebagai sebuah novel berwarna lokal agak sedikit tergugat.

Oleh hal yang demikian, pengetahuan tentang lingkungan dan ras sangat penting dalam sebuah penulisan novel sosiologi. Jika dibandingkan kedalaman pengetahuan akibat pengaruh lingkungan pengarang dalam memaparkan budaya dan adat tradisi dalam *Ngayau*, ia tidak sedalam pengamatan pengarang dalam novel *Bagaton* atau *Cerah* yang terhasil bukan sahaja melalui pemerhatian, tetapi beliau hidup dalam lingkungan masyarakat yang menjadi pemerhatiannya dalam karya-karya tersebut. Walau bagaimanapun, percubaan pengarang menggunakan alatan sastera bagi mencapai matlamat akhir atau tujuannya berkarya dianggap telah berjaya lebih-lebih lagi situasi Sabah pada tahun 70-an yang baru merangkak dalam dunia kesusasteraan moden, memberikan satu erti yang sangat besar.

PEMIKIRAN SEBENAR PENGARANG

Terlepas daripada kelemahan menggunakan alatan sastera secara maksimum, ideologi pengarang tetap dapat digarap dan diikuti melalui *Ngayau*. Sebagaimana kata Swingewood dan Taine, ruang, tradisi dan unsur budaya yang dipaparkan hanyalah alat bagi menuju kepada satu visi atau pemikiran tersirat yang cuba ditunjukkan pengarang. Perkara lebih penting ialah *Ngayau* diajukan untuk tujuan peraduan. Tentu sahaja ia memiliki dan mengikuti garis panduan yang telah digariskan oleh penganjur. Oleh hal yang demikian, unsur nilai dan moral wajib ada dalam sesebuah karya yang diajukan untuk sebuah pertandingan.

Perkara sebenar yang cuba ditonjolkan oleh pengarang melalui *Ngayau* ialah perjuangan atau semangat orang-orang muda dalam melestarikan hidup, maruah bangsa dan agama mereka. Boyong terpaksa berhadapan dengan bahaya dan kematian beberapa orang rakan. Semua ini

berakibat daripada perjuangan menuntut tengkorak kepala datuk mereka yang telah dibunuh oleh suku Dayak, yang pada masa itu dianggap oleh mereka tidak memiliki pegangan agama. Perjuangan agama dan akidah adalah landasan kepada perjuangan Boyong dan rakan-rakannya.

Pemikiran tentang agama dan kesuciannya ditekankan oleh pengarang melalui usaha dan pengorbanan yang telah dilakukan oleh Boyong dan beberapa orang rakannya. Mereka menempuh pelbagai rintangan demi mempertahankan maruah agama. Bagi mereka, tengkorak datuk, Syariff Hamid harus dikebumikan dengan cara Islam dan tidak layak untuk ditanam di tiang seri orang “kafir” (*Ngayau*, hlm. 17). Itulah simbolik agama yang mendasari pemikiran pengarang dalam novel tersebut. Boyong yang telah kehilangan rakan-rakan akibat cubaan merebut kembali maruah agama mereka, sanggup menggadai nyawa, kembali semula ke kawasan rumah panjang suku kaum Kayan untuk mengambil tengkorak yang diletakkan di sebuah tempat khas di rumah panjang tersebut.

Walaupun pemikiran pengarang tentang Islam kelihatan tegar, pegangan terhadap falsafah Islam itu juga sedikit goyah apabila pengarang memaparkan perkahwinan di antara Boyong dengan Kunang, yang dilaksanakan secara adat tradisi Dayak Kayan. Boyong dilarang “bersama” isterinya selama tiga malam selepas dikahwinkan secara adat tradisi. Pada mulanya, persepsi pembaca mengandaikan bahawa tempoh tiga hari tersebut mengambil kira perjalanan pulang Boyong ke kampung halaman. Namun, tanggapan itu tidak benar kerana tempoh tiga hari adalah syarat yang ditetapkan oleh tradisi Kayan, iaitu masyarakat diwajibkan mendengar segala bunyi binatang seperti rusa secara beramai-ramai. Jika hanya pengantin yang mendengarnya, pengantin perlu dipisahkan untuk tujuan tolak bala. Situasi ini berkemungkinan ingin menjelaskan tentang kedudukan Boyong yang jauh daripada kelompok masyarakat Islam Melanau dan dibolehkan untuk berkahwin secara pagan. Bagaimanapun, ia bukan dapat dijadikan alasan menikahkan kedua-dua pasangan tersebut dengan cara sewenang-wenangnya dan membelakangkan syariat agama Islam. Persoalan ini mengganggu-gugat falsafah keagamaan yang cuba ditampilkan pengarang pada permulaan teks. Walau apapun alasannya, ketiga-tiga novel *Amil Jaya* (*Ngayau*, *Bagaton* dan *Cerah*) hadir dengan kontroversi perkahwinan watak-wataknya. Adakah pengarang sengaja mencipta kelainan atau bertujuan menggambarkan realiti yang berlaku dalam masyarakat, harus dikaji secara lebih mendalam.

Pemikiran lain yang juga cukup jelas dalam novel *Ngayau* ialah tentang falsafah kemanusiaan dan kasih sayang antara sesama insan. Pertarungan dan pembunuhan sesama insan harus menemui jalan perdamaian, iaitu melalui penyelesaian “*happy ending*.” Lolong dan Kasung yang bermusuhan akhirnya boleh berpimpin tangan dan saling bekerjasama demi kesejahteraan suku bangsa mereka yang telah bermusuhan sejak sekian lama. Demikian pula harmoninya kehidupan Boyong dan Kunang yang berlainan agama dan suku. Mereka dapat menjalinkan persefahaman dan kemakmuran kehidupan berlainan bangsa dan agama melalui perkahwinan campur. Inilah hasrat murni yang cuba disuntik oleh pengarang melalui *Ngayau*, dengan menggunakan metode atau kaedah permusuhan antara kaum bagi mencapai matlamat memberikan nilai murni kepada pembaca sejajar dengan konteks masyarakat Sabah. Masyarakat Sabah sama seperti Sarawak yang memiliki etnik yang pelbagai. Di antara suku-suku kaum tersebut, tentu sahaja ada yang saling bermusuhan antara satu sama lain. Oleh hal yang demikian, suntikan pemikiran dalam *Ngayau* walaupun menggunakan masyarakat Dayak Kayan diharapkan memberi iktibar yang sama pada masyarakat Malaysia keseluruhannya dan Sabah khususnya.

Sebagai seorang pengarang berdarah muda (ketika teks ditulis), pemikiran tentang kehidupan, maruah dan harga diri seorang lelaki juga jelas ditunjukkan oleh pengarang melalui dialog watak-wataknya. Persoalan tentang kebaculan, pengecut dan tidak ada harga diri menghambat setiap langkah dan pemikiran watak pahlawan-pahlawan tersebut.

“Saya mahu bertempur secara anak jantan, saya tidak mahu dituduh sebagai pahlawan pengecut dan bacul. Menyerang dan membunuh orang yang tengah makan bagi saya adalah perbuatan yang bacul.”

(*Ngayau*, hlm. 9)

“Ini satu penipuan namanya. Mereka bacul, mereka bukan pahlawan,” bentak Boyong dengan nada suara mengeletar.

(*Ngayau*, hlm. 105)

“Kenapa kalau aku pergi, aku tidak takut, aku sanggup mati bersama-sama ayahku tidak seperti kau, nama sahaja manuk sabung, tapi bacul! Tak malu!” Herdik Kunang.

(*Ngayau*, hlm. 141)

Tanggungjawab sebagai seorang pemimpin juga ditunjukkan pengarang melalui daya kepemimpinan Lasa Kulan dan Boyong dalam mengetuai misi yang diamanahkan kepada mereka. Melalui dialog yang dituturkan, wataknya memperlihatkan pemikiran pengarang berkenaan tanggungjawab sebagai seorang ketua.

“Dalam siasat perang, adalah penting untuk merangka kemenangan bagi pihak kita, nyawa kalian adalah menjadi tanggungjawab saya, kalian punya ayah dan ibu, punya saudara-mara, kalau kalian terbunuh di dalam pertempuran saya akan ditanya bagaimana kematian kalian berlaku. Saya tidak mahu dikatakan sebagai ketua yang tidak tahu mengatur siasat perang!” suara Lasa Kulan meninggi.

(*Ngayau*, hlm. 9)

PENUTUP

Ngayau adalah novel pertama Ismail Abbas yang dikatakan selama ini sebagai sebuah karya berunsur tempatan. Sungguhpun kedudukan novel tersebut tidak seperti yang digembar-gemburkan selama ini, ia wajar diberikan kredit kerana situasi pengarang yang baru mula menapak sebagai penulis. Novel ini juga memiliki kelemahan berdasarkan kedudukan pengarang sebagai bukan penulis tempatan yang hidup dalam suasana yang digambarkan dalam teks. Walau bagaimanapun, perkara yang perlu diperhatikan melalui kajian ini ialah novel yang memiliki sedikit warna lokal sebenarnya hanyalah alat untuk menyampaikan pemikiran pengarang yang lebih besar tentang agama, maruah bangsa dan kasih sayang antara masyarakat. Melalui fikiran watak-watak dan pengajaran yang ditunjukkan oleh pengarang, dapat ditafsirkan keinginan dan harapan pengarang sebagai seorang pencinta kedamaian untuk melihat permusuhan dan sengketa kaum ditamatkan, tidak kira di mana jua ia berlaku.

RUJUKAN

- Amil Jaya. 1976. *Cerah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- . 1987. *Ngayau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.
- . 1988. *Bagaton*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

- Baszlee Bee Basrah Bee. 2002. Pemburuan kepala manusia: Tradisi terlarang dan keperluan saintifik? *Dewan Kosmik*. Mac.
- Bilcher Bala dan Baszlee Bee Basrah Bee. 2002. Tradis pemburuan kepala: Satu dokumentasi ke arah pembangunan masyarakat peribumi di Sabah & Sarawak. *Borneo Research Council, 7th Biennial International Conference*, Universiti Malaysia Sabah, 15–18 July 2002.
- Che Abdullah Che Lah. 1994. “Novel-novel Amil Jaya: Pendekatan Antara Disiplin”. Latihan Ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Damono, Sapardi Djoko. 1979. *Sosiologi Sastra sebuah pengantar ringkas*. Jakarta: Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Departmen Pendidikan dan Kebudayaan.
- Ekarini Saraswati, M.PD. 2007. *Sosiologi Sastera: Sebuah pemahaman awal*. Malang: Bayu Media & UMM Press.
- Faruk, H.T. 1994. *Pengantar Sosiologi sastra*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Hamidah Hassan. 1987. “Unsur-unsur warna setempat atau *local colour* dalam novel-novel pilihan Amil Jaya”. Latihan ilmiah, Jabatan Persuratan Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Herman Noor Ayub, 1981. *Berita Harian*, 19 Mei.
- Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak. 2010. *Buku Tahunan Perangkaan Sarawak, 2010 Jabatan Perangkaan Malaysia Negeri Sarawak Nov, 2010*. Kuching: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Krohn, William O. 1991. *In Borneo jungles: Among the Dayak headhunters*. Singapore: Oxford University Press.
- Laurenson, Diana dan Swingewood. 1972. *The Sociology of Literature*. London: Paladin.
- Nyoman Khuta Ratna. 2003. *Paradigma Sosiologi Sastera*. Jogjakarta: Pustaka Pelajar.
- Peter Kandu. 2001. Pemburuan kepala: Satu kajian sejarah di Kampung Sunsuron, Tambunan, Sabah. Kertas Projek Program Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor.
- Pringle, Robert. 1970. *Rajahs and rebel: The Ibans of Sarawak under Brooke rule, 1841-1941*. London: Macmillan.
- Teeuw. 1984. *Sastera dan Ilmu Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Wellek, Rene dan Austin Warren. (terj. Wong Seng Tong). 1989. *Teori Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.